

# Yusof bina bot nelayan secara tradisional

um 11/7/2023 Pg. 33

**KUALA TERENGGANU:** Seorang tukang bot nelayan masih mekekalkan cara tradisional dengan menggunakan tangan untuk membina bot walaupun terdapat teknologi baharu yang canggih dan moden.

Yusof Nawi, 52, dari Kampung Seberang Bukit Tumbuh di sini, berkata, dia yang mencebur biang tersebut sejak 2016 lebih selesa membina bot nelayan secara tradisional kerana mempunyai keunikan tersendiri.

Menurutnya, kebiasaannya sebuah bot nelayan tradisional dibina secara bersama lebih dua atau tiga individu, namun dia membuat bot secara solo sahaja.

Katanya, setakat ini, dia telah menyiapkan lebih 10 bot nelayan tradisional yang berukuran antara 18 hingga 20 meter dengan anggaran kos RM600,000 sebuah yang turut dilengkapi enjin.

“Saya mengambil masa dua tahun untuk menyiapkan sebuah bot secara solo kerana pembinaannya memerlukan kemahiran yang sangat teliti tanpa sebarang lakaran khusus.

“Ia dibina mengikut spesifikasi ditetapkan pelanggan dan saya membuatnya berdasarkan



**YUSOF Nawi tekun melakukan kerja-kerja membina bot nelayan secara tradisional yang ditempa pelanggan di Kampung Seberang Bukit Tumbuh, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN / PUQTRA HAIRY ROSLI**

kemahiran yang ada hampir 35 tahun dalam industri pembuatan bot nelayan tradisional yang diwarisi dari ayah,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Seberang Bukit Tumbuh di sini, semalam.

Bapa kepada lima anak itu berkata, kebanyakannya bot nelayan tradisional yang dibina menggunakan kayu cengal kerana lebih tahan lama di lautan

dan strukturnya lebih kukuh berbanding kayu-kayu jenis lain

“Kebiasaannya, saya mula kerja pukul 7 pagi dan berakhir 6.30 petang, kadang-kadang ada hari berhenti 4.30 petang.

“Nak buat bot nelayan tradisional bukannya mudah, sebab ia adalah umpama karya seni juga, perlukan masa dan mood yang tenang tanpa sebarang masalah, barulah proses pem-

buatannya berjalan lancar.

“Ada kalanya proses pembuatan tergendala akibat cuaca buruk dan terputus stok bahan binaan tertentu,” katanya.

Ditanya harapan dalam industri pembuatan bot nelayan tradisional itu, Yusof berharap lebih ramai generasi muda berminat mempelajarinya kerana seni kemahiran warisan nenek moyang hanya ada di Terengganu.